

BAB EMPAT

BAB KEEMPAT

SUKATAN PENDIDIKAN ISLAM DALAM ATM DAN PELAKSANAAN PMAT 9/91

PENDAHULUAN

Pendidikan memainkan peranan penting dalam menentukan halatuju pemikiran seseorang. Ia juga amat berperanan dalam menentukan baik buruknya akhlak dan minda manusia. Justeru itu dalam usaha KAGAT untuk memartabatkan akhlak warga tentera, pendidikan dipandang sebagai perkara yang paling asas dan paling berperanan dalam menentukan akhlak warga tentera. Bertitik tolak daripada inilah maka KAGAT telah menghasilkan apa yang dinamakan sebagai Sukatan Pendidikan Islam Angkatan Tentera Malaysia. Dasar ini telah telah digubal dan diluluskan pada 9 April 1990 melalui Arahan Pentadbiran KAGAT No 5 dan telah diperkenalkan melalui buku Sukatan Pendidikan Islam yang diterbitkan oleh Jabatanarah KAGAT pada tahun 1998.¹ Sukatan ini adalah sebagai panduan kepada warga KAGAT khususnya di dalam membantu untuk melaksanakan pembinaan akhlak dan mental anggota tentera melalui program pendidikan sebagaimana yang dikehendaki di dalam PMAT 9/91. Di antara matlamat yang hendak dicapai di dalam sukanan pelajaran ini ialah²:

- a. Membentuk kefahaman akidah yang sejahtera dan betul berlandaskan kepada hakikat ketuhanan yang sebenarnya menurut Ahli Sunnah Wal Jemaah.
- b. Menolak fahaman-fahaman yang salah dan menyeleweng dari ajaran agama yang sebenar.
- c. Membimbing anggota agar sentiasa jujur, amanah, dedikasi, ikhlas di dalam membangkitkan semangat perjuangan berlandaskan al-Qurān dan as-Sunnah serta berlatarbelakangkan kepada sejarah Rasulullah (s.a.w.)
- d. Melahirkan anggota tentera yang mampu mengamalkan ajaran Islam yang sebenar di samping menjauhi diri dari terjerumus ke dalam kes-kes Jenayah Syarak.
- e. Menghindarkan gejala-gejala keruntuhan rumahtangga seterusnya membentuk kesejahteraan berkeluarga.
- f. Menimbulkan minat di kalangan anggota untuk membaca al-Qurān dan menghayati isi kandungannya.

4.1 BAHAN-BAHAN PENGAJARAN

Bagi melihat keberkesanan pembentukan akhlak melalui program pendidikan yang hendak dilaksanakan oleh KAGAT, maka beberapa bentuk pengajian telah direka bentuk bagi memantapkan kefahaman Islam di dalam diri setiap warga tentera. Ianya telah dibahagikan kepada lima pengajian asas yang terdiri daripada Pengajian Aqidah, Pengajian Syariah, Pengajian Akhlak, Pengajian al-Qurān dan Ḥadis dan yang terakhirnya ialah Pengajian Pengukuhan. Secara ringkas bagi setiap sibus tersebut adalah sebagaimana berikut³ :

4.1.1 Pengajian Akidah.

Perkara yang menjadi perbincangan di dalam bab ini ialah perhubungan di antara makhluk dengan Allah (s.w.t.). Juga membahaskan tentang rukun iman, rukun Islam dan lain-lain yang menyentuh soal keimanan. Tanggung jawab sebagai Khalifah, percaya kepada perkara-perkara ghaib yang mengandungi hal-hal yang berkaitan Syurga dan Neraka adalah di antara sebahagian daripada apa yang dibahaskan di dalam bahagian ini.

Di antara bahan bacaan yang telah diterbitkan dan ianya menjadi panduan bagi mencapai maksud di atas ialah⁴ Cabang-cabang Iman⁵, Islam Cara Hidup, Islam dan Iman⁶, Pemurnian Aqidah, Ajaran Sesat dan Bahaya Syi'ah⁷.

4.1.2 Pengajian Syari'ah.

Perkara utama yang menjadi topik perbincangan di dalam bab ini ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan bersuci, sembahyang, puasa, zakat, haji dan lain-lain lagi yang bersangkutan dengan amalan ibadat sehari-hari. Dibincangkan juga perkara yang berkaitan dengan munakahat, mu'āmalāt dan termasuk juga perkara yang melibatkan masalah ḥudūd, qīṣās dan sebagainya. Di antara tajuk-tajuk yang telah dibahaskan di dalam bahagian ini ialah sebagaimana berikut⁸:

i. ***Fiqh Ibadat.***

Perbincangannya meliputi Hukum Bersuci, Wudhu, , Mandi wajib, Menyapu Khaūf, Tayammum, Ḥaid dan Nifās, Sembahyang, Sembahyang Jumaat, Sembahyang Orang Uzur, Sembahyang Jama'k dan Qaṣar, Sembahyang Jenazah, Puasa, Zakat, Ḥaji dan Umrah serta Qurbān dan Aqiqah.

ii. ***Fiqh Mu'āmalat.*** Tajuk-tajuk yang diajar kepada warga tentera melalui bahagian ini ialah Jualbeli, Gadaian, Berhutang, Mudhārabah, Pinjam meminjam dan Wadiyah.⁹

iii. ***Fiqh Munākahāt.***

Tajuk-tajuk yang disampaikan melalui bahagian ini ialah Nikah, Talak (Perceraian), Lafaz Talak dan Nafkah. Dibahaskan juga semua

perkara yang berkaitan dengan alam rumahtangga dan juga tanggungjawab yang mesti dilaksanakan oleh pasangan suami isteri.¹⁰

iv. ***Fiqh Jināyāt.***

Tajuk-tajuk yang disampaikan melalui bahagian ini ialah Ḥudūd, Qiṣāṣ dan Diāt.¹¹ Tajuk yang sedemikian nampaknya terlalu tinggi untuk difahami oleh warga tentera, namun ianya perlu dinyatakan juga kerana sebahagian daripada warga tentera pernah terlibat dengan kes-kes jenayah minum arak, berzina dan sebagainya. Dengan cara mereka mengetahui balasan terhadap kesalahan tersebut memungkinkan untuk mereka menjauhi dan menghindari perkara-perkara yang melibat jenayah tersebut. Jika matlamat ini tercapai maka proses untuk melengkapkan diri warga tentera dengan akhlak Islam akan menjadi lebih mudah.

Di antara bahan bacaan yang telah diterbitkan dan ianya menjadi panduan bagi mencapai maksud di atas ialah Doa-Tuntutan dan Pengertian,¹² Ibadat di Medan,¹³ Pengurusan Jenazah Umum dan di Medan,¹⁴ Mutiara Amal, Panduan Doa,¹⁵ Poster-poster Ibadat, Panduan Perkahwinan Menurut Islam.¹⁶

4.1.3 Pengajian Akhlak.

Di dalam bahagian ini perbahasan berkenaan dengan akhlak banyak tertumpu kepada soal hubungan antara manusia dengan manusia dalam aspek kejiraninan, taat kepada ibubapa, patuh kepada pemimpin, bersifat jujur dan

amanah. Begitu juga hubungan antara manusia dengan Allah (s.w.t.) yang meliputi konsep ubudiah kepada Allah seperti ikhlas dan tawadhu'. Tajuk-tajuk yang dibincangkan melalui bahagian ini ialah Pengertian akhlak, Akhlak sebagai fitrah, Kedudukan akhlak dalam pandangan Islam, Matlamat akhlak Islam, Bagaimana mencapai akhlak mulia, Menghuraikan sifat-sifat terpuji dan Adab-adab am yang dianjurkan oleh Islam.

Di antara bahan bacaan yang telah diterbitkan dan ianya menjadi panduan bagi mencapai maksud di atas ialah Pengetahuan Agama Islam (Asas), Pengetahuan Agama Islam (Pengukuhan) dan Pengetahuan Agama Islam (Pemantapan).¹⁷

4.1.4 Pengajian al-Qurān dan Hadis.

Bahagian ini menerangkan aspek-aspek persediaan membaca al-Qurān, penafsiran ayat-ayat al-Qurān dan Hadis berserta hukum-hukum tajwid. Tajuk-tajuk utama yang difokuskan dalam bahagian ini ialah Pendahuluan pengajaran al-Qurān, Kaedah-kaedah membaca al-Qurān, Memahami al-Qurān, Pendahuluan mengenai al-Hadis, Membaca dan menghuraikan hadis-hadis pilihan.

Di antara bahan bacaan telah diterbitkan dan ianya menjadi panduan bagi mencapai maksud di atas ialah al-Qurān Membina Akhlak Mulia,¹⁸ Panduan Khatam al-Qurān, al-Ma ū |rāt dan risalah Šūrah Yāasin.¹⁹

4.1.5 Pengajian Pengukuhan.

Bahagian ini mengajar dan mendidik anggota-anggota tentera dengan ilmu yang berkaitan dengan konsep-konsep, sistem-sistem dan nilai yang berkaitan dengan Pengajian al-Qurān, Akidah, Syari'ah dan Akhlak. Bahagian ini hanya akan diajar kepada anggota tentera yang telah memahami ajaran Islam dengan sebenarnya melalui proses pembelajaran yang telah mereka lalui. Ianya sebagai pengukuhan kepada apa yang telah mereka pelajari sebelum daripada ini. Antara perkara yang diajar di dalam bahagian ini ialah Konsep Jihad, Konsep Takwa, Konsep Birr, Konsep al-Falāḥ, Konsep Pengorbanan, Amar Makruf Nahi Munkar dan Bagaimana Mengenali Musuh.

Di antara bahan bacaan telah diterbitkan dan ianya menjadi panduan bagi mencapai maksud di atas ialah Asas-asas Pembentukan Pejuang dan Penyediaan Kepimpinan Islam,²⁰ Hijrah dan Ketahanan Ummah,²¹ Hijrah Ke arah Kecemerlangan,²² Jihad Syahid dan Ibadat,²³ Memahami Sirah Rasulullah s.a.w.,²⁴ Membina Tentera Berwibawa dan Menghayati Pengertian Jihad.²⁵

Jika kita lihat apa yang telah dilaksanakan oleh KAGAT dalam usaha membentuk akhlak mulia dan memberikan kefahaman Islam kepada warga tentera memanglah tidak terhitung banyaknya. Kesemuanya ini jika dapat dilaksanakan dengan sempurna sudah pasti ianya akan melahirkan warga tentera yang berkualiti samada dari sudut akhlak mahupun tingkah laku sehari-hari mereka. Ini adalah kerana jika kita melihat kepada silibus yang diajar kepada warga tentera sudah mencakupi ke semua ruang-ruang agama, bermula dengan penanaman aqidah

yang mantap, ibadah yang sempurna, amalan harian yang berterusan, kemudian diteruskan dengan ibadat-ibadat pengukuhan.

Kesemuanya ini sudah pasti akan melahirkan warga tentera yang berkualiti dalam melaksanakan tugas-tugas sehari-hari. Persoalannya adakah semua yang telah dirancangkan ini dapat dilaksanakan dengan sempurna? Adakah KAGAT telah diberikan peluang yang sewajarnya dalam melaksanakan aktiviti mereka? Inilah permasalahan yang sedang dihadapi oleh KAGAT dewasa kini. Cita-citanya terlalu besar tetapi pelaksanaannya kadang-kadang terdapat sedikit kesulitan. Permasalahan tersebut mungkin datang dari pihak atasan ataupun mungkin permasalahan tersebut datang dari pihak KAGAT sendiri yang memerlukan kepada Anjakan Paradigma yang mana jika permasalahan ini tidak dapat diatasi dengan segera berkemungkinan menyebabkan perjalanan dakwahnya akan terbantut.

4.2 DASAR PEMBINAAN MENTAL DAN KEROHANIAN ISLAM

(PMAT 9/91) KEBERKESANAN DAN PERMASALAHANNYA DALAM PELAKSANAAN

Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam ATM adalah merupakan satu arahan yang telah dikeluarkan oleh pihak tertinggi Angkatan Tentera Malaysia bertujuan merealisasikan penerapan nilai-nilai Islam dalam ATM. Ianya telah diluluskan pada tahun 1991 oleh Perintah Majlis Angkatan Tentera yang kemudiannya dikenali sebagai PMAT 9/91.²⁶ Lulusnya PMAT ini di peringkat tertinggi ATM menjadi bukti pengiktirafan kepada peranan Kor Agama

Angkatan Tentera Malaysia dalam ATM. Dasar ini juga akan memberikan satu kekuatan kepada KAGAT untuk melaksanakan tugasnya dalam membentuk akhlak warga tentera dan memberikan pendidikan Islam yang sempurna kepada mereka. Penguatkuasaan dan pelaksanaan PMAT 9/91 dalam ATM amat penting kepada KAGAT kerana dengan lulusnya PMAT ini di peringkat tertinggi angkatan tentera maka ianya membawa maksud bahawa semua pihak dalam ATM wajib melaksanakan segala tuntutan yang termaktub di dalamnya tanpa ada sebarang bantahan.

Dasar ini menghendaki setiap warga tentera Malaysia yang beragama Islam wajib mentaati agama Islam sepenuhnya dan menghayatinya dengan penuh keinsafan dan kesedaran. Dasar ini juga mewajibkan setiap anggota tentera menerima pendidikan khas bagi tujuan pembinaan mental dan spiritual di samping pembinaan jasmani dan fizikal yang telah sedia ada.²⁷ Pendidikan mental lebih menjuruskan kepada mewujudkan ketahanan mental melalui ilmu-ilmu pengetahuan Islam seperti Ilmu Fardhu ‘Ain, Fardhu Kifayah, Jihad, kekeluargaan, Akhlak, Kepimpinan, Ibadah, Tamadun Islam dan Tasawwur Islam. Ilmu ini diajar kepada setiap anggota tentera melalui kelas pengajian pasukan atau kelas pengajian Kuliah Maghrib. Selain daripada itu, ilmu-ilmu ini juga diajar melalui kursus-kursus dan seminar-seminar yang dianjurkan oleh KAGAT.

Pendidikan spiritual pula lebih kepada mewujudkan ketahanan spiritual melalui latihan dan penghayatan amal Islam yang sahih dan tepat. Setiap anggota tentera wajib memiliki ciri seorang muslim dan mukmin serentak. Justeru itu,

untuk melahirkan seorang anggota tentera yang memiliki ciri-ciri Muslim, Mukmin dan Muhsin, latihan dan pentarbiyanan mestilah diamalkan dan dihayati dengan penuh keikhlasan melalui bacaan al-Ma thrāt, Qiāmullail, Ḥalaqah Zikir (Majlis Zikir), Tilawah al-Qurān dan solat-solat fardhu secara berjemaah serta solat-solat sunat. Amalan-amalan yang sedemikian apabila dilaksanakan dan dihayati dengan penuh keimanan dan keikhlasan akan melahirkan perajurit-perajurit yang mempunyai nilai akhlak dan kualiti mutu juang yang tinggi. Bagi menjamin wirid-wirid yang diamalkan oleh anggota tentera tidak menyeleweng dari aqidah Islam yang sebenar, KAGAT telah memberikan garis panduan yang jelas dengan menetapkan bahawa wirid-wirid yang telah dikenalpasti datangnya daripada Rasulullah (s.a.w.) sahaja yang akan dijadikan sebagai amalan dalam kehidupan seharian warga tentera. Kesemuanya ini adalah amat penting bagi melahirkan tentera yang beretika dan berkualiti kerana sejarah telah membuktikan bahawa panglima-panglima dan perajurit-perajurit Islam zaman silam telah memperolehi kekuatan mental melalui zikir-zikir dan ibadah Qiamullail di dalam usaha mendidik jiwa-jiwa pejuang mereka.²⁸ |

4.2.1 Peruntukan Masa Bagi Pelaksanaan PMAT 9/91

Peruntukan masa bagi aktiviti Pembinaan Mental dan Rohani Angkatan Tentera Malaysia sebagaimana yang telah dinyatakan dalam PMAT 9/91 ialah selama 857 jam setahun.²⁹ Ianya dapat dipecahkan kepada dua bahagian. Pertama melibatkan pembinaan mental anggota tentera dan yang kedua pembinaan kerohanian ataupun spiritual anggota tentera. Bagi pembinaan mental telah diperuntukan masa selama 386 jam setahun. Purata harian aktiviti keagamaan

bagi setiap anggota tentera ialah selama 1 jam 15 minit sehari. Di antara aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan oleh KAGAT dalam meningkatkan akhlak dan mental warga tentera ialah aktiviti mingguan seperti mendengar khutbah Jumaat, kelas pengajian di masjid dan surau, kelas pengajian tambahan dan membaca risalah-risalah agama. Mendengar khutbah dua hari raya juga dimasukkan ke dalam aktiviti ini.

Bagi pembentukan rohani warga tentera pula peruntukan masa selama 471 jam setahun telahpun diluluskan oleh PMAT tersebut. Purata harian amal ibadat yang mesti dilaksanakan oleh warga tentera dalam sehari ialah selama 1 jam 20 minit. Di antara aktiviti yang dilaksanakan dalam bahagian ini ialah sembahyang lima waktu secara berjemaah, zikir selepas solat, pembacaan al-Ma thūrāt | dan pembacaan šūrah Yāasin dan tahlil pada setiap malam Jumaat. Aktiviti tahunan pula ialah Khatam al-Qurān, Qiāmullail, Khemah Ibadat dan Tahlil sempena hari ulangtahun ATM, Tentera Darat, Laut, Udara dan Pasukan. Manakala solat Tarawih selama 30 hari di bulan Ramadhan juga dimasukkan ke dalam katogeri ini.. Jika dilihat dari segi peruntukan masa yang telah diberikan bagi menjayakan pelaksanaan dasar pembinaan mental dan kerohanian Islam dalam ATM penulis berpendapat sudah pasti ianya merupakan suatu masa peruntukan yang amat mencukupi untuk melahirkan perajurit-perajurit yang beriman, bertakwa dan berakhlak.

Namun demikian setelah duabelas tahun PMAT 9/91 ini dikuatkuasakan, hanya sebilangan kecil sahaja di kalangan warga tentera mempunyai keperibadian sebagaimana yang diharapkan dalam PMAT tersebut. Dengan dasar yang mantap

seumpama ini dan dengan peruntukan masa yang panjang yang telah diberikan oleh pihak ATM, namun objektif yang diharapkan belum lagi mencapai sasaran sepenuhnya. Mengapa ini berlaku? Sudah tentu di sana ada perkara-perkara yang menjadi permasalahan kepada pelaksanaan PMAT 9/91 ini. Penulis akan membuat beberapa analisis bagi mengenali permasalahan yang berlaku yang menjadi penyebab PMAT 9/91 tidak dapat menepati sasarannya dan akibat daripada ini maka usaha-usaha untuk melahirkan tentera yang mempunyai iman yang mantap dan berakhhlak mulia mengalami sedikit permasalahan.

4.2.2 Permasalahan Pelaksanaan PMAT 9/91

Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh penulis sebelum ini bahawa kejayaan KAGAT untuk melahirkan golongan tentera yang berakhhlak mulia banyak bergantung kepada sejauhmana PMAT ini berjaya dilaksanakan. Kegagalan melaksanakan arahan yang termaktub di dalam PMAT ini akan membawa kesan yang amat negatif ke arah usaha-usaha pembentukan akhlak. Hasil daripada pengamatan penulis, memang terdapat beberapa permasalahan di dalam menjayakan PMAT tersebut. Penulis berpendapat bahawa permasalahan yang berlaku berpunca daripada tiga faktor utama iaitu:

a. Faktor Warga KAGAT.

Faktor yang berpunca daripada warga KAGAT sendiri adalah merupakan faktor utama yang menyebabkan pelaksanaan PMAT 9/91 tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya. Ini adalah kerana terdapat

di kalangan warga KAGAT • sendiri yang tidak menjadikan Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam ATM sebagai amalan seharian mereka. Mereka sepatutnya menjadi contoh dan ikutan kepada orang lain. Sebagai pendakwah warga KAGAT mestilah menghayati sepenuhnya perkara-perkara yang menjadi dasar agama seperti sembahyang secara berjemaah, membaca zikir al-Ma urāt | setiap pagi dan petang, membaca al-Qurān dan membaca hadis-hadis Nabawi sebanyak yang mungkin dalam sehari. Namun realiti yang berlaku adalah sebaliknya. Ada di kalangan warga KAGAT begitu bersemangat mengajak warga tentera solat secara berjemaah di dalam ceramah-ceramah, menceritakan tentang kelebihan solat berjemaah, namun apa yang berlaku mereka sendiri begitu sukar untuk melaksanakan solat secara berjemaah apabila mereka tidak berada di dalam kem-kem tentera. Mereka hanya pandai bercakap namun hakikatnya mereka juga begitu sukar mengunjungi masjid ataupun surau untuk bersolat jemaah bersama masyarakat setempat di tempat mereka menetap.³⁰ Berapa ramai warga KAGAT yang menjadikan amalan pembacaan al-Ma urāt | sebagai santapan rohani mereka pada setiap hari? sedangkan kesemua perkara yang dinyatakan oleh penulis di atas telahpun di PMATkan dan ianya memang di dalam pengetahuan semua warga KAGAT.

Lebih malang lagi ada di kalangan warga KAGAT yang agak kelihatan begitu kekok apabila pembacaan al-Ma urāt | dilaksanakan di pasukan sedangkan mereka tahu akan kesahihan wirid tersebut. Apabila warga KAGAT sendiri lemah dari sudut amalan seharian, maka inilah

punca timbulnya masalah lain iaitu kurangnya kepekaan dan sensitif mereka untuk melaksanakan aktiviti PMAT 9/91 sebagaimana yang telah diarahkan. Selain daripada itu, ada di antara pasukan yang langsung sepi dengan program-program keagamaan khususnya aktiviti yang melibatkan PMAT 9/91. Namun demikian faktor kekurangan anggota KAGAT di pasukan juga perlu diambil kira kerana apabila KAGAT mengalami masalah kekurangan anggotanya di pasukan menyebabkan penumpuan masa secukupnya tidak dapat diberikan bagi memantau setiap aktiviti agama yang dilaksanakan di pasukan.

b. Faktor Warga Tentera.

Faktor yang kedua ialah berpunca daripada anggota tentera sendiri yang sememangnya tidak berminat kepada aktiviti-aktiviti keagamaan. Ianya berpunca mungkin kerana kurangnya ilmu dan kesedaran berkenaan pentingnya penghayatan agama dalam kehidupan seharian. Ada pasukan-pasukan yang melaksanakan aktiviti ini sekadar melepaskan batuk di tangga sahaja. Ada di kalangan pegawai-pegawai tentera yang hanya mengarahkan anggota-anggota dibawahnya menghadiri aktiviti-aktiviti keagamaan, tetapi mereka sendiri tidak menghadirkan diri dengan mencipta pelbagai alasan.³¹

Lebih menjadi masalah lagi ada di kalangan Pegawai-pegawai Memerintah sendiri yang kurang memberikan sokongan kepada pelaksanaan PMAT 9/91 di pasukan, dengan alasan anggota-anggota sibuk

dengan *duty* dan tugas harian bahanan yang lebih negatif lagi menganggap pelaksanaan PMAT 9/91 cukup sekadar memenuhi masa yang diperuntukkan bagi memenuhi aktiviti agama tahunan sebagaimana yang telah dirancang tanpa memikirkan kesan yang sepatutnya dirasai oleh anggota tentera apabila mereka menghayati setiap program yang telah diatur.

c. Kesibukan Pasukan Dengan Pelbagai Aktiviti.

Faktor-faktor lain yang menganggu keberkesanan pelaksanaan PMAT 9/91 berdasarkan kepada pengamatan penulis ialah kesibukan pasukan ataupun formasi dengan aktiviti-aktiviti hariannya. Ada di antara pasukan atau unit yang menjadi destinasi lawatan pemimpin-pemimpin tertinggi ATM, pemimpin-pemimpin kerajaan samada kerajaan pusat atau kerajaan negeri. Selain daripada itu pasukan juga sering terlibat dengan latihan-latihan tempatan dan latihan operasi yang sedikit sebanyak menganggu pelaksanaan PMAT 9/91. Namun demikian faktor-faktor seperti ini bukanlah merupakan penyebab utama kepada ketidakberkesanan pelaksanaan PMAT 9/91 di unit-unit atau pasukan kerana sebenarnya aktiviti keagamaan boleh diselaraskan dengan aktiviti seharian jika dikoordinasikan dengan baik di antara pejabat agama pasukan dengan pihak pentadbiran di unit ataupun di pasukan. Terserahlah kepada pasukan masing-masing kerana pepatah melayu ada menyebut “*hendak seribu daya tak hendak seribu dalih*”.

4.3 AKTIVITI KAGAT DALAM MEMBANGUNKAN AKHLAK DAN NILAI MURNI ANGGOTA TENTERA

Di dalam usaha untuk meningkatkan nilai-nilai kerohanian dan akhlak dalam diri warga ATM, KAGAT telah memfokuskan beberapa aktiviti keagamaan. Sebahagian daripadanya merupakan aktiviti-aktiviti yang dirancang oleh anggota KAGAT yang berada di pasukan, sebagianya merupakan aktiviti-aktiviti yang dirancang oleh Institut Latihan dan Kefahaman Islam ATM (ILMI) yang mana ianya merupakan pusat latihan yang diseliakan oleh KAGAT dan ada juga program-program pembentukan akhlak yang dianjurkan terus oleh pihak Jabatanarah KAGAT. Namun demikian aktiviti-aktiviti kerohanian yang dilaksanakan di ILMI hanyalah melibatkan anggota tentera dan pegawai tentera yang berpangkat Mejar ke bawah sahaja. Bagi pegawai-pegawai kanan ATM yang berpangkat Leftenan Kolonel ke atas kursus-kursus yang dianjurkan adalah terus melalui Jabatanarah KAGAT, Markas Tentera Udara, Markas Tentera Laut dan Markas Tentera Darat.

Contoh yang dapat dinyatakan oleh penulis, di antara program dan aktiviti tahunan yang biasanya dilaksanakan oleh anggota KAGAT di unit atau formasi bagi meningkatkan akhlak mulia dan penghayatan agama dalam diri warga tentera adalah sebagaimana berikut :³²

- a. Awal Muharram.
- b. 10 Muharram (Assyura).
- c. Maulidul Rasul .

- d. Israk dan Mikraj.
- e. Nisfu Sy'abān .
- f. Nuzul al- Qurān.
- g. Badar Kubra.
- h. Hari Raya Aidil Fitri dan Aidil Adha.

Kesemua aktiviti di atas merupakan aktiviti tahunan yang mesti dirancang oleh anggota KAGAT yang berada di pasukan. Tarikh dan waktu pelaksanaanya mestilah dibincangkan dengan pihak pentadbiran agar ianya dimasukkan ke dalam kalender tahunan pasukan. ILMI juga tidak ketinggalan menganjurkan beberapa jenis kursus untuk diberikan kepada semua warga tentera dalam usaha memantapkan kefahaman Islam di dalam diri setiap individu. Istimewanya kursus yang dianjurkan oleh ILMI ini ialah kerana kursus yang dilaksanakan di sini merupakan kursus yang tidak dianjurkan oleh pasukan³³ dan ianya melibatkan tiga cabang Perkhidmatan Darat, Laut dan Udara. ILMI yang baru memulakan operasinya tahun lepas telah banyak merancang aktiviti ke arah peningkatan akhlak dan kerohanian untuk diberikan kepada warga tentera di antaranya ialah:³⁴

- a. Kursus Kefahaman Islam Bersepadu Untuk Pegawai Medan.
- b. Kursus Kefahaman Islam Bersepadu Untuk Pegawai Muda.
- c. Kursus Kefahaman Islam Bersepadu untuk PTT Kanan.
- d. Kursus Kefahaman Islam Bersepadu untuk PTT Rendah.
- e. Kursus Imam dan Khidmat Sosial untuk Pegawai dan LLP.
- f. Kursus Kefahaman Islam Asas (Saudara Baru).
- g. Kursus Permurnian Aqidah untuk Pegawai dan LLP.

- h. Kursus Qirāti dan Talaqī al-Qurān untuk Pegawai dan LLP.
- i. Kursus Taḥṣīn dan Taḥkīm al-Qurān untuk Pegawai dan LLP.
- j. Kursus Pengurusan Rumah Tangga Muslim untuk Pegawai dan LLP.
- k. Kursus Keluarga Harmoni untuk Pegawai dan LLP.
- l. Kursus Taṣawwur dan Tamaddun Islam untuk Pegawai dan LLP.
- m. Kursus Bimbingan Pranita Berhemah untuk Pegawai dan LLP.
- n. Kursus Khas Mengikut Kor Perkhidmatan untuk Pegawai dan LLP.
- o. Kursus Asas Bahasa Arab untuk Pegawai dan LLP.

Bagi mengisi program kerohanian yang melibatkan pegawai-pegawai kanan dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan, Jabatanarah KAGAT melalui Sel Dakwah telah menganjurkan satu kursus yang diberi nama Nadwah Pegawai-pegawai Kanan ATM yang telah melibatkan pegawai berpangkat Kolonel ke atas.³⁵ Manakala Markas Tentera Udara telah menganjurkan kursus Nadwah Pegawai-pegawai Kanan TUDM, begitu juga dengan Markas Tentera Darat mereka telah menganjurkan kursus Bengkel Pembinaan Mental dan Rohani Pegawai Kanan.³⁶ Di sini kita dapat lihat bahawa program yang dianjurkan oleh KAGAT bagi meningkatkan kefahaman Islam dan akhlak warga tentera mencakupi semua golongan peringkat. Bermula daripada mereka yang berpangkat paling rendah sehingga kepada mereka yang berpangkat paling tinggi di dalam organisasi ketenteraan di Malaysia.

4.4 PENCAPAIAN KAGAT DALAM MEMBANGUNKAN AKHLAK ORGANISASI KETENTERAAN DI MALAYSIA

Dalam usaha untuk menjadikan organisasi ketenteraan di Malaysia mencapai tahap kualiti akhlak yang boleh dibanggakan, KAGAT telah berusaha untuk melakukan beberapa perubahan yang sebahagiannya melibatkan polisi dan dasar pemerintahan dalam organisasi ATM. Di antara perkara-perkara yang boleh dianggap sebagai sebahagian daripada pencapaian dan kejayaan KAGAT dalam ATM ialah pengharaman arak di dalam semua kem-kem tentera.

Melihat kepada bahaya yang timbul hasil daripada ketagihan arak pihak KAGAT telah berusaha agar fenomena yang sedemikian mestilah dihapuskan dengan segera daripada kehidupan warga tentera kerana ianya jelas bertentangan dengan akhlak Islam. Hasil daripada pandangan yang telah diberikan oleh KAGAT kepada pihak atasan tentera maka Mesyuarat Jawatankuasa Panglima-Panglima ke 316 yang bersidang pada 12 Feb 1998 telah meluluskan supaya dilarang penjualan, penerimaan dan penggunaan semua jenis arak di dalam ATM meliputi semua wisma, formasi, pasukan dan pengkalan serta unit-unit yang terdapat dalam ATM.³⁷ Pelaksanaan pengharaman arak dalam ATM meliputi perkara-perkara perkara-perkara seperti berikut:³⁸

- a. Kuatkuasa. Pengharaman arak ini dikuatkuasakan sepenuhnya pada 16 Sep 1998, iaitu sempena Hari Angkatan Tentera ke 65 melibatkan semua formasi, pasukan dan unit-unit di dalam ATM.

Dengan wujudnya arahan ini maka arak menjadi barang larangan di semua kem tentera. Larangan tersebut meliputi meminum, menyimpan atau menjual.

- b. Perintah Bahagian Satu Pasukan. Pengharaman arak ini hendaklah diisyiharkan di dalam perintah bahagian satu pasukan dari semasa ke semasa. Tindakan yang sewajarnya hendaklah diambil terhadap mereka yang melanggar arahan ini.
- c. Pemeriksaan. Pemerintah formasi, pasukan-pasukan dan unit-unit adalah dikehendaki membuat pemeriksaan dari masa ke semasa terhadap organisasi masing masing bagi menentukan arahan pengharaman arak ini dipatuhi sepenuhnya oleh semua pihak.
- d. Anggota Bukan Agama Islam. Anggota-anggota bukan beragama Islam yang ingin meminum arak hendaklah melakukannya di tempat-tempat selain daripada kawasan yang diisyiharkan sebagai kawasan larangan.
- e. Status Syarikat PERNAMA. Arahan pengharaman ini **tidak** membabitkan syarikat PERNAMA selaku pembekal tunggal arak dalam ATM. Namun begitu syarikat PERNAMA akan digesa oleh MK ATM untuk tidak membuat sebarang pesanan baru terhadap pembekalan atau pembelian arak

Dengan penguatkuasaan pengharaman arak dalam semua peringkat ATM ini jelas membuktikan bahawa peranan yang telah dimainkan oleh KAGAT dalam menjana akhlak warga tentera mendapat sokongan dari pihak atasan tentera kerana budaya arak yang menjadi kebiasaan dalam kehidupan warga tentera suatu ketika dahulu akhirnya berjaya dihapuskan hasil daripada usaha gigih yang telah dilakukan oleh KAGAT. Kenyataan tersebut disokong dengan jawapan yang diberikan oleh responden di dalam kajiselidik penulis di mana 93.3 % daripada responden bersetuju bahawa pengharaman arak dalam ATM adalah hasil daripada usaha yang telah dibuat oleh KAGAT. Hanya 6.7 % sahaja yang kurang bersetuju manakala tiada seorangpun di kalangan responden yang menafikan terus peranan KAGAT dalam menghapuskan gejala ini (Lihat Lampiran 1 soalan 14). Apabila gejala ini dapat dibentras maka sudah pasti ianya akan mewujudkan budaya hidup yang lebih sihat, berakhlek, berdisiplin, selamat serta dapat mengangkat martabat serta imej ATM pada pandangan masyarakat umum.

Selain daripada itu penulis juga telah dapat mengesan satu lagi masalah yang melibatkan akhlak warga tentera yang telah diusahakan oleh pihak KAGAT dan ianya amat diperlukan dalam usaha untuk memperbaiki akhlak warga tentera. Apa yang dimaksudkan oleh penulis di sini ialah kejayaan mengubah cara berpakaian warga tentera wanita (pranita) di dalam uniform yang mereka pakai pada saban hari. Walaupun Islam tidak menetapkan sesuatu jenis pakaian rasmi untuk dipakai oleh manusia tetapi Islam jelas telah menetapkan ciri-ciri dan aturan-aturan tertentu mengenai pakaian yang patut dipakai oleh setiap wanita muslim. Pakaian yang sesuai dengan ajaran Islam boleh dipakai walau apapun

jenis dan modelnya asalkan ia mempunyai ciri-ciri yang telah ditetapkan dan disesuaikan dengan kehendak Islam seperti menutup aurat dan sebagainya.

Menurut pandangan Ibnu Taimiyah, pakaian selama-mana ianya menepati syarat-syarat dan adab-adab yang ditetapkan oleh syariat maka sudah pasti ianya akan dibenarkan.³⁹ Selain itu terdapat syarat-syarat khusus yang wajib dipenuhi dalam menentukan pakaian seorang muslim dan muslimah kerana ianya melibatkan persoalan aurat yang tidak boleh ditoleransi. Ulama berselisih pendapat dalam hal menentukan bahagian aurat. Walau bagaimanapun perselisihan tersebut tidak banyak perbezaan sekadar penambahan dan pengurangan pada kadarnya. Imam Malik berpendapat aurat wanita adalah seluruh badan kecuali muka dan dua tapak tangan. Pendapat beliau sama dengan pendapat Imam Syafie. Manakala Imam Hanafi berpendapat aurat wanita adalah seluruh anggota badan termasuk muka dan dua tapak tangan. Namun demikian ramai di kalangan para fuqaha' menafsirkan anggota yang selalu terbuka samada suasana biasa ataupun kerana keperluan hanyalah muka dan dua tapak tangan sahaja.⁴⁰ Bagi aurat kaum lelaki terhadap wanita muhramnya pula adalah kawasan antara pusat dan lututnya. Pusat dan lutut bukanlah aurat bagi lelaki tetapi dianjurkan supaya menutupinya kerana ia adalah sempadan aurat yang perlu diwaspadai dengan berpegang kepada kaedah usul fiqh iaitu tidak sempurna sesuatu perkara yang wajib melainkan dengannya maka ia adalah wajib.⁴¹ Manakala aurat lelaki dalam keadaan khalwat (bersendirian) adalah dua kemaluannya (qubul dan dubur). Makruh melihat aurat sendiri kecuali tujuan hajat tertentu.⁴²

Berdasarkan kepada pandangan yang telah diberikan oleh para ulamak dalam masalah aurat, maka KAGAT juga sentiasa prihatin terhadap masalah ini. Rentetan dari itu maka masalah penutupan aurat warga tentera merupakan di antara agenda yang sentiasa diperjuangkan oleh pihak KAGAT. Apabila dasar penerapan nilai-nilai Islam mula diperkenalkan oleh pihak kerajaan di awal tahun lapan puluhan, maka KAGAT telah mengambil kesempatan sepenuhnya daripada dasar ini bagi mengaplikasikan pakaian kerja pranita dan pegawai wanita agar ianya lebih bertepatan dengan syariat Islam.⁴³ Hasil daripada pendekatan dakwah yang sistemetic dan penuh berhemah maka Mesyuarat Majlis Angkatan Tentera ke 336 yang bersidang pada 30 Jan 1995 telah membenarkan secara rasminya pemakaian tudung kepada anggota wanitanya. Kebenaran pemakaian tudung tersebut adalah bersifat *opsyenal* kecuali bagi pegawai dan LLP wanita KAGAT.

44

Oleh kerana tentera merupakan organisasi yang sinonim dengan kesegakan dan kekemasan maka satu lagi arahan telah dikeluarkan bagi menyelaraskan pemakaian tudung bagi pranita dan pegawainya. Mesyuarat Majlis Angkatan Tentera ke 399 yang bersidang pada 25 Sep 2001 telah memutuskan beberapa tatacara pemakaian tudung supaya kelihatan lebih kemas dan seragam kerana didapati pemakaian tudung pegawai dan LLP wanita yang diamalkan sebelum ini tidak kemas dan tidak seragam.⁴⁵ Paling ketara sekali ialah dalam masalah pemilihan warna hitam yang berbagai-bagai jenis. Dengan keluarnya arahan tersebut maka pemakaian tudung pranita dan pegawainya nampak lebih kemas dan teratur. Di antara peraturan yang terdapat di dalam arahan tersebut ialah warna tudung mestilah hitam dan tudung tersebut mestilah dimasukkan ke dalam

baju agar ianya kelihatan kemas dan teratur. Banyak lagi perkara lain yang telah berjaya dilakukan perubahan hasil daripada usaha dan dakwah pihak KAGAT kepada kepimpinan tertinggi ATM diantaranya ialah pemansuhan upacara menepung tawar dalam majlis-majlis rasmi ATM⁴⁶ dan beberapa lagi adat istiadat yang tidak bersesuaian dengan ajaran Islam telah berjaya dikeluarkan daripada aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dalam organisasi ini.

Kesungguhan dan komitmen pimpinan atasan tentera dalam usaha membasmi gejala sosial adalah merupakan sebahagian daripada agenda yang menjadi keutamaan. Ianya dapat dibuktikan apabila Panglima Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia DYMM Tuanku Sirajuddin Syed Putra Jamalullail telah mengarahkan agar segala aktiviti kesan peninggalan penjajah yang bertentangan dengan ajaran Islam dan boleh merosakkan akhlak warga tentera hendaklah dihapuskan dengan segera daripada organisasi ini.⁴⁷ Selain daripada itu bagi memastikan warga tentera sentiasa terhindar daripada gejala sosial yang boleh membawa kepada keruntuhan akhlak, maka setiap panglima di formasi akan mengeluarkan satu arahan di mana setiap warga tentera dilarang sama sekali menjelaki kawasan-kawasan tertentu yang telah dikenalpasti sebagai kawasan yang boleh merosakkan akhlak. Sebagai contohnya hotel-hotel yang menjalankan aktiviti pelacuran, kawasan-kawasan yang banyak terlibat dengan penagihan dadah, kawasan-kawasan terdapat ramainya pondan yang berkeliaran dan beberapa tempat yang lain yang mempunyai risiko yang tinggi. Jika warga tentera ditangkap oleh pihak Polis Tentera di dalam kawasan yang telah diisyiharkan sebagai kawasan larangan maka tindakan disiplin akan diambil terhadap anggota tersebut.⁴⁸

Apa yang dinyatakan oleh penulis di atas hanyalah sekadar sebahagian daripada paparan berkenaan komitmen pihak atasan dalam menangani masalah gejala sosial di samping peranan yang telah dimainkan oleh KAGAT di peringkat yang melibatkan dasar dan polisi dalam ATM. Di sini penulis dapat simpulkan sebenarnya KAGAT bukan sahaja berperanan dalam membangunkan akhlak warga tentera malah lebih dari itu begitu berperanan dalam memberikan sumbangan agar dasar dan polisi dalam ATM selaras dengan tuntutan dan ajaran Islam. Dua contoh di atas sudah memadai untuk menggambarkan usaha yang telah dilakukan oleh KAGAT dalam menentukan dasar dan hala tuju ATM bagi menggapai cita-cita setiap individu mukmin yang beriman iaitu berjaya mendapat rahmat Allah (s.w.t.) di dunia dan selamat daripada api neraka di negeri akhirat.

KESIMPULAN

Walaupun secara umumnya pencapaian KAGAT dalam membangunkan akhlak warga tentera menampakkan keberhasilannya berdasarkan beberapa perubahan yang berjaya dilakukan di dalam organisasi ini namun di sana KAGAT sewajarnya perlu bekerja dengan lebih kuat lagi agar perubahan-perubahan yang lain dapat dilaksanakan dengan lebih tersusun. Langkah pertama yang boleh dibuat ialah dengan meningkatkan minda dan ilmu warga KAGAT. Pihak KAGAT sewajarnya perlu menggesa semua warganya agar memperbanyakkan pembacaan buku-buku yang telah diterbitkan oleh KAGAT dan mengemukakan idea-idea yang bernes ke arah peningkatan cara berfikir dengan membuat beberapa cadangan serta maklumat-maklumat baru khususnya dalam hal hukum-hakam yang berkaitan dengan kehidupan sehari-hari.

Selain daripada itu mengadakan diskusi terhadap buku-buku keluaran KAGAT dan muzakarah-muzakarah ilmiah untuk melahirkan pemikir-pemikir KAGAT yang mempunyai tahap pemikiran yang profesional. Menggalakkan warga KAGAT terutamanya mereka di kalangan pegawai mengarang atau menterjemah lebih banyak lagi buku-buku agama, Memperbanyakkan tarbiah dan didikan rohani kepada warga tentera dengan mengadakan latihan rohani yang lebih intensif. Sebagai contohnya dengan mewajibkan sekali dalam setahun menghadiri latihan tersebut dalam jangkamasa seminggu hingga 2 minggu samada di peringkat Kementerian Pertahanan, Markas-markas 3 Perkhidmatan Darat, Laut dan Udara, Divisyen, Briged mahupun pasukan, menjadikan PMAT 9/91 sebagai rutin harian dalam amalan kehidupan warga tentera khususnya warga KAGAT kerana ianya merupakan bekalan yang paling mantap untuk membersihkan jiwa para pendakwah daripada sebarang kekotoran yang akan mencacatkan perjalanan dakwah dalam ATM.

Jika semua ini dapat dilaksanakan dengan penuh tertatur maka penulis berkeyakinan banyak lagi perkara-perkara lain yang mampu untuk dilakukan perubahan sejajar dengan usaha-usaha kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran kerajaan.

NOTA HUJUNG

-
- 1 Jabatanarah KAGAT (1990), *Arahan Pentadbiran KAGAT No 5*. Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan h.1.
 - 2 Kor Agama Angkatan Tentera (1996), *Sukatan Pendidikan Islam ATM*. Kuala Lumpur: Nur Niaga Sdn. Bhd, h. 2. Lihat juga Arahan Pentadbiran KAGAT No 5. h. 1.
 - 3 *Ibid.*, *Sukatan Pendidikan Islam ATM*. h. 3.
 - 4 Ini merupakan sebahagian daripada buku-buku yang telah diterbitkan oleh KAGAT. Banyak lagi buku-buku yang telah diterbitkan bagi memenuhi keperluan rohani anggota tentera. Dalam perkara aqidah sahaja lebih dua puluh buku telah dihasilkan. Apa yang dinyatakan oleh penulis hanyalah sebagai contoh buku-buku yang telah diterbitkan oleh pihak KAGAT.
 - 5 Misni bin Sabar (1995), *Cabang-Cabang Iman*. Kor Agama Angkatan Tentera Kementerian Pertahanan Kuala Lumpur.
 - 6 Haji Najmi bin Haji Ahmad (2000), *Islam dan Iman*. Kor Agama Angkatan Tentera Kementerian Pertahanan Kuala Lumpur.
 - 7 Mohd Romzi bin Omar (1998), *Bahaya Syiah dan Ajaran Sesat*. Kor Agama Angkatan Tentera Kementerian Pertahanan Kuala Lumpur.
 - 8 *Sukatan Pendidikan Islam ATM. op.cit.*, h. 10.
 - 9 *Ibid.*, h. 14.
 - 10 *Ibid.*, h. 15.
 - 11 *Ibid.*, h. 17.
 - 12 Badri bin Haji Taib (1995), *Doa Tuntutan Dan Pengertian*. Kor Agama Angkatan Tentera Kementerian Pertahanan Kuala Lumpur.
 - 13 Nawawi bin Daud (1997), *Ibadat di Medan*. Kor Agama Angkatan Tentera Kementerian Pertahanan Kuala Lumpur.
 - 14 Daud bin Mohd Salleh (1999), *Kerja sebagai Ibadah*. Kor Agama Angkatan Tentera Kementerian Pertahanan Kuala Lumpur.

-
- 15 Panel Penulis Jabatanarrah KAGAT (1994), Kor Agama Angkatan Tentera Kementerian Pertahanan Kuala Lumpur.
- 16 Sel Penerbitan Jabatanarrah KAGAT (1999), Kor Agama Angkatan Tentera Kementerian Pertahanan Kuala Lumpur.
- 17 Masni bin Sabar dan Daud Mohammed Salleh (1999), *Pengetahuan Agama Islam ATM Asas, Pengukuhan dan Pemantapan*. Kor Agama Angkatan Tentera Kementerian Pertahanan Kuala Lumpur.
- 18 Burhanudin bin Jalal (1997), *al-Quran Membina Akhlak Mulia*. Kor Agama Angkatan Tentera Kementerian Pertahanan Kuala Lumpur.
- 19 Risalah terbitan Jabatanarrah KAGAT (2000), Kor Agama Angkatan Tentera Kementerian Pertahanan Kuala Lumpur.
- 20 Haji Najmi bin Haji Ahmad (1998), *Asas Pembentukan Pejuang dan Penyediaan Kepimpinan Islam*. Kor Agama Angkatan Tentera Kementerian Pertahanan Kuala Lumpur.
- 21 Burhanudin bin Jalal (1999), *Hijrah dan Ketahanan Ummah*. Kor Agama Angkatan Tentera Kementerian Pertahanan Kuala Lumpur.
- 22 Daud bin Mohd Salleh (2000), *Hijrah dan Kecermelangan*. Kor Agama Angkatan Tentera Kementerian Pertahanan Kuala Lumpur.
- 23 Nawawi bin Daud (1993), *Jihad, Syahid dan Ibadat*. Kor Agama Angkatan Tentera Kementerian Pertahanan Kuala Lumpur.
- 24 Burhanudin bin Jalal (1997), *Memahami Sirah Rasulullah s.a.w.* Kor Agama Angkatan Tentera Kementerian Pertahanan Kuala Lumpur.
- 25 Masni bin Sabar dan Daud Mohammed Salleh (1999), *Membina Tentera berwibawa dan Menghayati Pengertian Jihad*. Kor Agama Angkatan Tentera Kementerian Pertahanan Kuala Lumpur.
- 26 PMAT 9/91 telah diluluskan secara rasminya di dalam persidangan Mesyuarat Majlis Angkatan Tentera. Tarikh rasmi penguatkuasaan PMAT tersebut ialah pada 20 Mei 1991.
- 27 *Ibid.*, h. 1-2.
- 28 Bagi memastikan wirid yang diamalkan oleh anggota tentera tidak menyeleweng daripada landasannya maka KAGAT telah menetapkan di dalam PMAT 9/91 hanya zikir al-Ma ur |at yang telah disusun oleh Imam al-Syahid Hasan al-Banna sahaja yang diperakui dalam ATM dan boleh diamalkan di dalam kehidupan seharian. Selain daripada wirid tersebut maka ianya perlu dirujuk kepada pihak yang berkuasa bagi memastikan ianya tidak menyeleweng daripada ajaran Islam.

-
- ²⁹ Perintah Majlis Angkatan Tentera Bil. 9 tahun 1991 tetap mewajibkan setiap warga tentera memenuhi masa tersebut dengan aktiviti kerohanian dan ianya hendaklah dimasukkan ke dalam jadual Aktiviti Tahunan Pasukan.
- ³⁰ Penulis berkata demikian adalah berdasarkan kepada realiti kehidupan penulis sendiri yang tinggal di dalam satu kawasan yang didiami oleh ramai warga KAGAT. Sebahagian besar daripada mereka tidak melakukan solat secara berjemaah di surau. Mereka seolah-olah tiada beza dengan warga tentera yang lain.
- ³¹ Pengalaman yang sedemikian telah dialami sendiri oleh penulis ketika berkhidmat di Batalion Pertama Rejemen Renjer di Raja selama tiga tahun di mana aktiviti-aktiviti agama kebiasaannya hanya dihadiri oleh anggota-anggota peringkat bawahan sahaja.
- ³² Markas 10 Brigid Para. *Fokus Aktiviti Agama Tahunan 2003*. Kem Terendak Melaka.
- ³³ Di antara contoh yang boleh dikemukakan oleh Penulis ialah seperti Kursus Fardhu Ain. Kursus tersebut merupakan kursus asas yang mesti dilaksanakan di setiap Pasukan. Kursus tersebut tidak dilaksanakan di ILMI. Sebaliknya di Institut ini dilaksanakan pula Kursus Kefahaman Islam Bersepadu (KKIB) yang mana kursus ini merupakan kursus lanjutan bagi mereka yang telah mengikuti Kursus Fardhu Ain di Pasukan.
- ³⁴ Institut Latihan dan Kefahaman Islam ATM. *Fokus Kursus-Kursus Tahun 2003*. Port Dickson Negeri Sembilan.
- ³⁵ Jabatanarah KAGAT. *Fokus Aktiviti Agama Tahun 2003*. Sel Dakwah Jabatanarah KAGAT.
- ³⁶ Markas Tentera Darat. *Fokus Aktiviti Agama Markas Tentera Darat Wisma Pertahanan* bertarikh 23 Dis 2002.
- ³⁷ MKTD/G 1/1402 (NEG), *Arahan Pengharaman Arak Dalam ATM*. bth 18 Mei 98.
- ³⁸ *Ibid.*
- ³⁹ Ahmad Shalaby (Dr.), (1982), *Kehidupan Sosial Dalam Pemikiran Islam*. Hasnan bin Kasan (terj.) Singapura:Pustaka Nasional. h. 213.
- ⁴⁰ Prof. Dr. Harun Din (Dato), *op.cit.*, h.106.

-
- 41 Wahbah al-Zuhailī (Dr.), (1986), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*. Damsyik: Dār al-Fikr. h. 71.
- 42 S'aad S'aarawi (Dr.), (1989), *Maraḥ al-Islam*. Beirut: Maktabah Dār al-Kutub. h . 106.
- 43 Pakaian kerja bagi pranita dan pegawainya sebelum kempen penerapan nilai-nilai Islam dilaksanakan dalam ATM ialah berbaju lengan pendek, berskirt dan bertopi. Ianya bertukar kepada berbaju lengan panjang, berseluar panjang dan bertudung kepada apabila pakaian menutup aurat dibenarkan dalam ATM.
- 44 IPDA/G4/4/24, *Penyeragaman Tatacara Pemakain Tudung Bagi Pranita ATM*. bth 24 Jul 2000.
- 45 MK LAT-TAD/3/3 POLISI 012, *Tatacara Pemakaian Tudung bagi Pegawai dan Anggota LLP wanita TD*. bth 15 Okt 2001.
- 46 MK LAT-TAD/3/1/1748. *Amaran Awal Pemansuhan Upacara Menepung Tawar*.
- 47 Ucapan Yang DiPertuan Agung ketika menghadiri Majlis Santapan Rejimental bagi meraikan baginda sebagai bekas Komander Rejimen 504 Askar Wataniah di Kangar Perlis bertarikh 10 Jan 2004. Lihat juga Mingguan Malaysia di bawah tajuk : “ *Seri Paduka Baginda Mahu ATM Tinggalkan Tradisi Penjawah*” bth 11 Jan 2004, h. 15.
- 48 MATM/ JSEK/2002/ LT2/ bth Mac 2001. *Kawasan-Kawasan Larangan Bagi Anggota Tentera*.